



**HUBUNGAN ANTARA KECERDASAN EMOSI  
DAN TEKANAN BELAJAR DENGAN  
PENCAPAIAN AKADEMIK DALAM  
KALANGAN MURID SEKOLAH  
MENENGAH**



**NUR HAZLINDA BINTI AZIZAN**

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2021**



**HUBUNGAN ANTARA KECERDASAN EMOSI DAN TEKANAN BELAJAR  
DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK DALAM KALANGAN MURID  
SEKOLAH MENENGAH**

**NUR HAZLINDA BINTI AZIZAN**

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PSIKOLOGI PENDIDIKAN)  
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2021**

## PENGHARGAAN

Saya bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnianya maka kerja penyelidikan bertajuk “Hubungan Antara Kecerdasan Emosi dan Tekanan Belajar Dengan Pencapaian Akademik Dalam Kalangan Murid Sekolah Menengah” dapat disempurnakan dengan jayanya. Kerjasama dan sokongan dari pelbagai pihak telah menyebabkan penyelidikan ini dapat diselesaikan.

Jutaan terima kasih ditujukan kepada pensyarah penyelia yang amat saya hormati dan kagumi, Dr Mohd Razimi Bin Husin di atas kegigihan beliau membimbing, memberi panduan, menyelia, memberi tunjuk ajar, memberi idea serta cadangan yang membina dalam penulisan tesis ini. Kesediaan beliau menerima saya sebagai pelajar dan mencurahkan ilmu tanpa rasa jemu amat saya sanjungi.

Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan dan Pejabat Pelajaran Daerah Tampin kerana meluluskan permohonan saya untuk menjalankan kajian ini. Terima kasih juga saya ucapkan kepada semua guru besar, penolong kanan, kaunselor dan guru kelas yang membenarkan kajian ini dijalankan di sekolah mereka serta memberi kerjasama yang sepenuhnya. Terima kasih juga kepada murid-murid yang telah terlibat dalam menjayakan kajian ini.

Seterusnya ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga saya tujukan kepada yang teristimewa iaitu kedua ibu bapa Norlizah Binti Idris dan Azizan Bin Abdullah serta kakak dan adik lelaki yang telah banyak mendoakan, memahami situasi saya, memberi sokongan, motivasi dan semangat di sepanjang tempoh pengajian saya sehinggalah penyelidikan ini dapat disempurnakan dengan jayanya. Tidak dilupakan juga kepada rakan-rakan seperjuangan dan rakan-rakan lain yang tidak jemu-jemu membantu dan memberikan motivasi dalam menyiapkan disertasi ini. Saya berdoa kepada Allah agar mereka semua dibalas dengan kebaikan di dunia dan di akhirat atas segala pengorbanan yang telah diberikan. Semoga apa yang telah diusahakan bermanfaat kepada kita semua



## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengkaji hubungan antara kecerdasan emosi dan tekanan belajar dengan pencapaian akademik dalam kalangan murid sekolah menengah. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif. Seramai 285 orang murid Tingkatan Empat dari sepuluh buah sekolah menengah di daerah Tampin dipilih sebagai responden melalui persampelan rawak mudah. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah soal selidik kecerdasan emosi (SSKE) yang telah diubahsuai oleh Abdul Malek dan soal selidik tekanan 3SQ yang dibina oleh Muhamad Saiful Bahri. Data dianalisis melalui statistik deskriptif dan inferensi seperti frekuensi, peratusan, min, sisihan piawai, ujian *t* dan korelasi *pearson*. Hasil kajian menunjukkan tahap kecerdasan emosi murid berada pada tahap yang tinggi dan tahap tekanan belajar adalah sederhana. Manakala keputusan ujian *t* menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dengan kecerdasan emosi ( $t = -.892$ ;  $df = 283$ ,  $p = 0.373 > 0.05$ ) dan terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dengan tekanan belajar ( $t = -5.748$ ;  $df = 283$ ,  $p = 0.000 < 0.05$ ). Dapatan analisis korelasi *pearson* pula menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi dengan pencapaian akademik murid ( $r = .053$ ,  $p = .375 > 0.05$ ) dan terdapat hubungan yang signifikan antara tekanan belajar dengan pencapaian akademik ( $r = .117$ ,  $p = .049 < 0.05$ ). Kesimpulannya, tekanan belajar yang sederhana boleh memberi kesan kepada tahap pencapaian akademik murid dan perhatian yang lebih serius perlu diberikan kepada setiap murid dalam menghadapi masalah tekanan belajar mereka. Implikasi kajian pula menunjukkan bahawa tekanan belajar yang berbeza mengikut jantina dapat memberikan garis panduan kepada pihak kaunselor sekolah untuk merancang dan menyusun kaedah terbaik bagi murid menangani masalah tekanan belajar berdasarkan kepada jantina mereka

## **THE RELATIONSHIP BETWEEN EMOTIONAL INTELLIGENCE AND LEARNING STRESS ON ACADEMIC ACHIEVEMENT AMONG SECONDARY SCHOOL STUDENT**

### **ABSTRACT**

This study aimed to evaluate the relationship between emotional intelligence and learning stress on academic achievement among secondary school student. This study employs a quantitative approach. A total of 285 Form Four students from ten secondary schools in the Tampin district were selected as respondents through simple random sampling. The instruments used in this study are the emotional intelligence questionnaire (SSKE) which has been modified by Abdul Malek and the 3SQ stress questionnaire developed by Muhamad Saiful Bahri. Data were analyzed through descriptive and inferential statistics such as frequency, percentage, mean, standard deviation, t test and pearson correlation. The results showed that the level of emotional intelligence of students was at a high level and the level of learning stress was moderate. While the results of t test showed no significant difference between gender and emotional intelligence ( $t = -.892$  ;  $df = 283$ ,  $p = 0.373 > 0.05$ ) and there were significant differences between gender and learning stress ( $t = -5.748$ ;  $df = 283$ ,  $p = 0.000 < 0.05$ ). The findings of pearson correlation analysis showed that there was no significant relationship between emotional intelligence and students' academic achievement ( $r = .053$ ,  $p = .375 > 0.05$ ) and there is a significant relationship between learning stress and academic achievement ( $r = .117$ ,  $p = .049 < 0.05$ ). In conclusion, moderate study stress can affect the level of academic achievement of students and more serious attention should be given to each student in dealing with their study stress problem. The implications of the study show that different learning stress according to gender can provide guidelines to school counselors to plan and compile the best method for students to deal with learning stress based on their gender.

## KANDUNGAN

### Muka Surat

|                                         |      |
|-----------------------------------------|------|
| <b>PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b>      | ii   |
| <b>PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI</b>  | iii  |
| <b>PENGHARGAAN</b>                      | iv   |
| <b>ABSTRAK</b>                          | v    |
| <b>ABSTRACT</b>                         | vi   |
| <b>KANDUNGAN</b>                        | vii  |
| <b>SENARAI JADUAL</b>                   | Xi   |
| <b>SENARAI RAJAH</b>                    | xiii |
| <b>SENARAI SINGKATAN</b>                | Xiv  |
| <b>SENARAI LAMPIRAN</b>                 | xv   |
| <b>BAB 1 PENGENALAN</b>                 |      |
| 1.1 Pendahuluan                         | 1    |
| 1.2 Latar Belakang Kajian               | 2    |
| 1.3 Pernyataan Masalah                  | 8    |
| 1.4 Objektif Kajian                     | 12   |
| 1.5 Persoalan Kajian                    | 12   |
| 1.6 Hipotesis Kajian                    | 13   |
| 1.7 Kerangka Konseptual Kajian          | 14   |
| 1.8 Definisi Konseptual dan Operasional | 15   |

|                          |    |
|--------------------------|----|
| 1.9 Batasan Kajian       | 20 |
| 1.10 Kesignifikan Kajian | 21 |
| 1.11 Rumusan             | 25 |

## **BAB 2 TINJAUAN LITERATUR**

|                                             |    |
|---------------------------------------------|----|
| 2.1 Pendahuluan                             | 26 |
| 2.2 Pendekatan Teori                        | 27 |
| 2.2.1 Teori Kecerdasan Emosi Daniel Goleman | 27 |
| 2.2.2 Teori Stres Lazarus                   | 30 |
| 2.3 Kajian-kajian Lepas                     | 33 |
| 2.3.1 Kajian Dalam Negara                   | 34 |
| 2.3.2 Kajian Luar Negara                    | 52 |
| 2.4 Rumusan                                 | 71 |

## **BAB 3 METOD KAJIAN**

|                                                   |    |
|---------------------------------------------------|----|
| 3.1 Pendahuluan                                   | 72 |
| 3.2 Reka Bentuk Kajian                            | 73 |
| 3.3 Lokasi Kajian                                 | 74 |
| 3.4 Subjek Kajian                                 | 75 |
| 3.4.1 Populasi                                    | 75 |
| 3.4.2 Sampel Kajian                               | 76 |
| 3.5 Instrumen                                     | 77 |
| 3.5.1 Bahagian A: Demografi Murid                 | 78 |
| 3.5.2 Bahagian B: Soal Selidik Kecerdasan Emosi   | 80 |
| 3.5.3 Bahagian C: Soal Selidik Tekanan (3SQ)      | 82 |
| 3.6 Kebolehpercayaan Dan Kesahan Instrumen Kajian | 85 |
| 3.7 Kajian Rintis                                 | 87 |

|                               |    |
|-------------------------------|----|
| 3.8 Prosedur Pengumpulan Data | 88 |
| 3.9 Kaedah Menganalisis Data  | 89 |
| 3.9.1 Analisis Deskriptif     | 90 |
| 3.9.2 Analisis Inferensi      | 91 |
| 3.10 Rumusan                  | 92 |

## **BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

|                                                                                                                                                    |     |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| 4.1 Pendahuluan                                                                                                                                    | 93  |
| 4.2 Analisis Maklumat Demografi                                                                                                                    | 94  |
| 4.2.1 Taburan Responden Mengikut Jantina                                                                                                           | 94  |
| 4.2.2 Taburan Responden Mengikut Tahap Pencapaian Akademik                                                                                         | 95  |
| 4.3 Analisis Deskriptif                                                                                                                            |     |
| 4.3.1 Analisis Deskriptif Tahap Kecerdasan Emosi                                                                                                   | 96  |
| 4.3.2 Analisis Diskriptif Tahap Tekanan Belajar                                                                                                    | 97  |
| 4.4 Analisis Inferensi                                                                                                                             |     |
| 4.4.1 Hipotesis 1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dengan kecerdasan emosi dalam kalangan murid Tingkatan Empat            | 98  |
| 4.4.2 Hipotesis 2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dengan tekanan belajar dalam kalangan murid Tingkatan Empat             | 99  |
| 4.4.3 Hipotesis 3: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi dengan pencapaian akademik dalam kalangan murid Tingkatan Empat | 100 |
| 4.4.4 Hipotesis 4: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tekanan belajar dengan pencapaian akademik dalam kalangan murid Tingkatan Empat  | 101 |
| 4.5 Ringkasan Dapatan Kajian                                                                                                                       | 102 |
| 4.6 Rumusan                                                                                                                                        | 104 |



## SENARAI JADUAL

| No. Jadual |                                                                             | Muka Surat |
|------------|-----------------------------------------------------------------------------|------------|
| 3.1        | Pembahagian Item Bahagian A Mengikut Faktor Demografi Murid                 | 79         |
| 3.2        | Skala Pencapaian Akademik                                                   | 79         |
| 3.3        | Taburan Item Soal Selidik Kecerdasan Emosi                                  | 81         |
| 3.4        | Tahap Kecerdasan Emosi Berdasarkan Skor                                     | 82         |
| 3.5        | Taburan Item Soal Selidik Tekanan 3SQ                                       | 83         |
| 3.6        | Tahap Tekanan 3SQ Berdasarkan Skor                                          | 84         |
| 3.7        | Interpretasi Skor Min Kecerdasan Emosi dan Tekanan Belajar                  | 90         |
| 3.8        | Analisis Statistik dan Hipotesis                                            | 91         |
| 4.1        | Analisis Frekuensi dan Peratus Responden Mengikut Jantina                   | 94         |
| 4.2        | Analisis Frekuensi dan Peratus Responden Mengikut Tahap Pencapaian Akademik | 95         |
| 4.3        | Tahap Kecerdasan Emosi Murid Tingkatan Empat                                | 96         |
| 4.4        | Tahap Tekanan Belajar Murid Tingkatan Empat                                 | 97         |
| 4.5        | Perbezaan Kecerdasan Emosi Berdasarkan Jantina                              | 98         |
| 4.6        | Perbezaan Tekanan Belajar Berdasarkan Jantina                               | 99         |
| 4.7        | Hubungan Antara Kecerdasan Emosi dengan Pencapaian Akademik                 | 100        |

|     |                                                            |     |
|-----|------------------------------------------------------------|-----|
| 4.8 | Hubungan Antara Tekanan Belajar dengan Pencapaian Akademik | 101 |
| 4.9 | Ringkasan Dapatan Kajian                                   | 102 |

## SENARAI RAJAH

| No. Rajah |                                             | Muka Surat |
|-----------|---------------------------------------------|------------|
| 1.1       | Kerangka Konseptual Kajian                  | 14         |
| 3.1       | Formula Kesahan Kandungan Sidek & Jamaludin | 87         |

## SENARAI SINGKATAN

|      |                                         |
|------|-----------------------------------------|
| EQ   | Emotional Quotient                      |
| GPA  | Gred Point Average                      |
| IQ   | Intelligent Quotient                    |
| IPT  | Institut Pengajian Tinggi               |
| IPTA | Institut Pengajian Tinggi Awam          |
| JERI | Jasmani, Emosi, Rohani, Intelek         |
| JPN  | Jabatan Pendidikan Negeri               |
| KPM  | Kementerian Pelajaran Malaysia          |
| PBS  | Pentaksiran Berasaskan Sekolah          |
| PPD  | Pejabat Pendidikan Daerah               |
| PNGK | Purata Nilai Gred Kumulatif             |
| PT3  | Pentaksiran Tingkatan Tiga              |
| SSKE | Soal Selidik Kecerdasan Emosi           |
| SMK  | Sekolah Menengah Kebangsaan             |
| SSM  | Stresor Sekolah Menengah                |
| SPSS | Statistical Package for Social Sciences |
| WHO  | World Health Organization               |

## SENARAI LAMPIRAN

- A Soal Selidik Kajian
- B Pelantikan Pakar Kesahan Kandungan
- C Pelantikan Pakar Kesahan Bahasa
- D Output SPSS Dapatan Kajian
- E Pengesahan Pelajar Untuk Membuat Penyelidikan
- F Kelulusan Untuk Menjalankan Kajian Daripada EPRD
- G Kelulusan Untuk Menjalankan kajian Ke Sekolah-Sekolah Di  
Negeri Sembilan



## **BAB 1**

### **PENGENALAN**



#### **1.1 Pendahuluan**

Terdapat beberapa aspek yang dibahas dalam bab ini. Aspek yang dibincangkan antaranya latar belakang, pernyataan masalah, objektif, persoalan, hipotesis, kerangka konseptual, definisi konseptual dan operasional kajian, batasan kajian, kesignifikan kajian dan yang terakhir kesimpulan. Aspek latar belakang kajian membincangkan kepentingan kecerdasan emosi dan tekanan belajar dengan pencapaian akademik murid manakala objektif, persoalan serta hipotesis kajian merupakan tiga aspek utama yang menjadi akar kepada kajian hubungan kecerdasan emosi dan tekanan belajar dengan pencapaian akademik dalam kalangan murid sekolah menengah.





## 1.2 Latar Belakang Kajian

Umum mengetahui bahawa cabaran murid pada masa kini adalah lebih hebat dan mereka memerlukan persiapan dan persediaan diri yang hebat. Justeru setiap murid perlu mempunyai keseimbangan emosi, jasmani, rohani dan intelek kerana mereka adalah aset sesebuah negara dan pelapis kepada tampuk kepimpinan negara kelak. Malahan, dengan adanya keseimbangan tersebut, semua murid dapat dibentuk dengan baik supaya bersikap positif, mempunyai disiplin diri, sahsiah yang mantap, cita-cita yang tinggi serta kemampuan daya berfikir dan memahami yang tinggi agar pada masa hadapan dapat memberi manfaat kepada negara (Nazila Masdor & Faezanadia Mohamad, 2016).



Sebagaimana yang kita ketahui, kecerdasan emosi merupakan satu hal yang penting di samping *intelligence quotient* (IQ). Menurut Goleman 2005, kecerdasan emosi (EQ) adalah lebih penting daripada IQ. Hal ini kerana, menurut beliau kemampuan memahami dan mentadbir emosi diri serta berupaya mengetahui perasaan individu lain dan dapat membina hubungan baik dalam kehidupan bermasyarakat adalah sangat penting dan merupakan ciri-ciri memiliki kecerdasan emosi yang baik. Kecerdasan emosi juga berbeza mengikut jantina antara lelaki dan perempuan. Kajian-kajian lepas mempamerkan keputusan bahawa murid perempuan memperoleh skor yang lebih tinggi dalam kecerdasan emosi berbanding murid lelaki. Keputusan kajian ini mungkin boleh dijelaskan melalui faktor perubahan hormon lebih memihak kepada golongan wanita, lantas menjadikan perempuan lebih terkenal dengan tingkah laku beremosi, lebih banyak menyedari emosi mereka, lebih berempati dan lebih mahir





mengurus emosi mereka. Lelaki, sebaliknya, lebih cenderung kepada keyakinan diri, bersikap optimis dan mudah menyesuaikan diri dengan persekitaran sosial.

Secara umumnya, kecerdasan emosi bagi seseorang murid akan terbentuk apabila adanya kerjasama yang baik di antara fikiran dan perasaan. Menurut Pablo, F. B. (2015) kecerdasan emosi ialah kemampuan atau kelebihan individu dalam mengurus, mengaplikasi dan memahami emosi dan ia perlu diterapkan sejak kecil serta boleh ditambah baik. Selain itu, dalam persekitaran pendidikan, sekiranya murid mampu mengurus emosinya, murid akan dapat memberikan tumpuan terhadap pembelajaran serta menerima dan memproses maklumat yang diterima dengan lebih baik dan meningkatkan kemampuan jangka panjang. Ini menggambarkan bahawa pengetahuan tanpa adanya kemahiran emosi dalam diri murid tidak akan memberi kehidupan yang bermakna kepada generasi yang ingin dijana (Goleman, 2005). Oleh itu, sistem pendidikan tidak boleh lagi mengabaikan pembangunan kecerdasan emosi terhadap murid.

Seterusnya, Saemah et al. 2008 turut menyatakan kecerdasan emosi penting terhadap murid kerana boleh memberi kesan jangka panjang ke atas pencapaian akademik murid malah Kementerian Pelajaran Malaysia (2017) juga turut memberi penekanan dalam aspek emosi murid. Oleh sebab itu, dalam sistem Pendidikan penekanan kepada aspek emosi adalah perlu kerana banyak kajian yang telah dijalankan mendapati proses pembelajaran secara optimum tidak dapat dilaksanakan jika murid tidak mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi serta tidak dapat memberi tumpuan





semasa pembelajaran dan mudah resah (Saadi, Honarmand, Najarian, Ahadi & Askari, 2012).

Lebih-lebih lagi, kajian lepas yang dijalankan oleh Noriah Mohd Ishak, Shaharuddin Ahmad, Kadderi Mohd Desa & Roslina Tan Abdullah (2008) menunjukkan murid dapat menyelesaikan tugas-tugas yang diberi oleh guru dan memberi tumpuan dalam pelajaran jika memiliki kecerdasan emosi yang tinggi manakala dapatan kajian Mayer, Perkins, Caruso & Salovey (2001) menunjukkan murid mempunyai hubungan sosial yang mantap sekiranya kecerdasan emosi mereka tinggi. Maka tahap kecerdasan emosi yang rendah boleh memberi impak kepada setiap murid iaitu apabila melaksanakan sesuatu tugas dalam pembelajaran mereka akan menunjukkan perasaan tidak selesa, mengalami kebimbangan, menjalani kehidupan yang tidak teratur dan potensi diri tidak dapat dibina secara optima (Saemah Rahman, Noriah Mohd Ishak, Zuria Mahmud & Ruslin Amir, 2008).

Dapatan kajian lepas ini menunjukkan kejayaan dan kecemerlangan dari segi pencapaian akademik tidak hanya melibatkan aspek keupayaan intelek semata-mata, namun ia memerlukan kemantapan emosi yang tinggi supaya dapat menjadi panduan dan menghasilkan murid yang mampu menghadapi segala cabaran hidup kerana kita dapat menyaksikan betapa belakangan ini kehidupan murid semakin mencabar dengan pelbagai pengaruh, tekanan serta cabaran ledakan materialistik dan kebendaan. Oleh sebab itu, sejak awal lagi murid perlu menitikberatkan kecerdasan emosi (EQ) supaya memperolehi keseimbangan dari segi emosi dan mental (Suzyliana Mamat, 2016). Justeru, aspek emosi menjadi aspek penting dan perlu dititikberatkan supaya murid





yang seimbang dan harmoni dapat dilahirkan sejajar dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Selain daripada aspek kecerdasan emosi aspek tekanan belajar juga turut dipandang sebagai aspek penting yang boleh mengganggu pencapaian akademik murid. Tekanan tidak dapat dipisahkan lagi dengan kehidupan manusia, namun tekanan mempunyai kebaikan dan keburukannya kepada mereka yang mengalaminya (Azmawazi, 2008). Tambahan pula tekanan boleh menyerang sesiapa sahaja daripada semua lapisan masyarakat dan tidak mengira peringkat usia sama ada usia tua ataupun muda.



mengelaskan tekanan kepada tiga tahap iaitu tekanan reaktif, endogenus dan psikosis. Individu yang telah hilang sebahagian minat atau kehendak untuk meneruskan aktiviti kehidupan seharian adalah tekanan reaktif yang berpunca daripada faktor luaran. Mereka yang mengalami tekanan reaktif akan merasa rendah diri, mudah hilang tumpuan, mudah lupa dan tiada semangat menjalani kehidupan seharian. Tekanan faktor dalaman iaitu faktor biokimia dan keturunan merupakan tahap tekanan yang kedua iaitu tahap endogenus. Pada tahap ini, individu berfikir untuk membunuh diri, merasakan masa depan mereka gelap dan berasa diri tidak berguna. Individu yang tidak lagi menghiraukan diri sendiri dan persekitarannya sehingga boleh membunuh merupakan tahap tekanan yang serius iaitu tekanan psikosis.





Lain daripada itu, tekanan merupakan sesuatu keadaan dinamik di mana individu akan berhadapan dengan tuntutan, halangan dan peluang yang berkaitan dengan apa yang diinginkan, namun hasilnya adalah sesuatu yang penting tetapi belum pasti diperolehi (Fink, 2016). Malahan, menurut Melanie (2017) tekanan adalah sebahagian daripada kehidupan manusia dan kesan daripada tekanan sama ada kesan positif mahupun negatif adalah sangat penting kerana setiap individu mempunyai cara yang berbeza-beza untuk menangani tekanan. Cara yang digunakan oleh setiap murid untuk bertindak balas terhadap tekanan boleh menjadi tindak balas positif atau negatif dan ianya boleh menimbulkan kesan ke atas mental dan fizikal mereka. Maka, tekanan merupakan sesuatu yang penting kerana ia sebahagian daripada kehidupan manusia dan perlu diurus dan ditangani dengan baik.



Pada realitinya, memang tidak dinafikan bahawa golongan murid adalah tidak terkecuali dalam menghadapi masalah tekanan belajar. Menurut Pfeiffer (2011) kehidupan sebagai seorang murid merupakan hidup yang penuh dengan tekanan dan perbezaan tekanan murid sama ada lelaki mahupun perempuan adalah berbeza-beza. Hal ini kerana, terdapat sesetengah murid yang boleh memotivasikan diri apabila berhadapan dengan tekanan dan tidak mengalami sebarang kesan ke atas mental, fizikal dan emosi negatif. Namun, ada juga di antara murid yang tidak mampu mengurus tekanan dan apabila tekanan yang dialaminya melebihi pada tahap tertentu maka pelbagai masalah akan wujud dan memberi kesan ke atas diri mereka (Romas & Sharma, 2004).





Selain itu, kemurungan dan pelbagai penyakit fizikal adalah berpunca daripada tekanan yang terlalu banyak (MacGeorge, Samter dan Gilihan, 2005). Menurut Pfeiffer (2011) keadaan pembelajaran seperti menjelang waktu peperiksaan, menunggu keputusan peperiksaan serta kerja sekolah semakin bertambah boleh menyebabkan tekanan kepada murid malahan persaingan hebat dengan rakan-rakan dan perlu mengekalkan pencapaian akademik yang cemerlang turut memberi tekanan kepada murid untuk mencapai matlamat tersebut. Hal ini terjadi kerana, setiap murid pasti mempunyai jangkaan yang tinggi terhadap keinginan dan kehendak mereka (Mastura Mahfar, Fadilah Zaini & Nor Akmar Nordin, 2009).

Seperti yang telah dinyatakan kecerdasan emosi dan tekanan belajar dilihat boleh memberi kesan kepada pencapaian akademik murid justeru penerapan ciri-ciri emosi, intelek, jasmani dan rohani yang terdapat dalam falsafah Pendidikan Malaysia perlu diterapkan kepada murid supaya dapat menjadikan mereka insan berperibadi tinggi dan cemerlang dalam pelajaran. Sebagaimana yang kita maklumi, Pencapaian akademik setiap murid adalah berasaskan konsep kesimbangan (JERI) iaitu jasmani, emosi, rohani dan intelek dan ia merupakan satu usaha berterusan untuk meningkatkan Pendidikan di Malaysia malah menurut Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025, agenda reformasi Pendidikan berkualiti adalah pencapaian akademik setiap murid.

Konklusinya, seiring dengan perkembangan masa, peranan dan tanggungjawab setiap murid menjadi semakin kompleks kerana murid itu sendiri perlu menguasai pengetahuan dan kemahiran yang terkini sejajar dengan arus kemodenan yang semakin





berkembang pesat. Oleh sebab itu, murid yang cemerlang atau tidak dalam bidang akademik perlu mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi serta bijak menangani tekanan. Terdapat ramai penyelidik dari pelbagai bidang seperti bidang pendidikan, sosial, kesihatan mahupun organisasi telah menyedari kepentingan kecerdasan emosi dan kesan tekanan bagi setiap murid. Maka, kajian ini dilakukan ke atas murid bagi meninjau hubungan kecerdasan emosi dan tekanan belajar dengan pencapaian akademik mereka.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Kecerdasan emosi dilihat sebagai salah satu aspek penting terutama dalam proses perkembangan diri seseorang khususnya dalam kalangan murid dan terdapat perbezaan antara murid lelaki dan perempuan dalam kecerdasan emosi. Kajian Schutte, Malouff, Bobik, Coston, Greeson, Jedlicka & Wendorf (2001) memperlihatkan perempuan lebih berupaya memahami emosi sendiri dan orang lain serta mampu mengekalkan perhubungan sosial. Ini memberi gambaran yang jelas bahawa pentingnya mengambil kira faktor jantina dalam kecerdasan emosi.

Selain itu, kajian Abdul Malek Rahman, Sidek Noah, Abdul Malek Karim, Wan Marzuki, Nabilah, Zulkifli, Joharry, Lihanna, Syed Mohamed Shafeq, Jamaludin, Sapon, Mohd Yusop, Mohd Taib, Munirah, Norlena, Ruhaibah, & Tajularipin (2009) mendapati kecerdasan emosi memainkan peranan penting terhadap personaliti dan prestasi murid. Dapatan daripada kajian lepas ini diperkukuhkan lagi apabila Goleman





(1995) menyatakan faktor utama kepada kejayaan individu terutamanya murid adalah tahap kecerdasan emosi berbanding kecerdasan intelek individu. Kajian-kajian lepas juga menjelaskan bahawa murid pada masa kini akan berdepan dengan cabaran emosi dan ini dikukuh dengan kajian Saadi et al. (2012) yang mendapati murid yang tidak dibelai dengan faktor emosi daripada ibu bapa dan guru tidak dapat melaksanakan proses dalam pembelajaran secara optimum, tidak dapat menumpukan perhatian semasa belajar dan mudah resah.

Oleh itu, tahap EQ yang tinggi membawa kepada pencapaian akademik yang cemerlang bagi seseorang murid dan EQ merupakan faktor penting untuk pencapaian akademik (Mega, Ronconi & Beni, 2014). Sementara itu, Malekari & Mohanty (2011) mendapati kecerdasan emosi adalah sebab utama untuk memperoleh kecemerlangan dalam pencapaian akademik dan kerjaya. Dengan keadaan sedemikian, dapat disimpulkan bahawa kecerdasan emosi dilihat mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik murid dan boleh memberi kesan jangka masa panjang terhadap perkembangan prestasi mereka (Saemah et al., 2008). Maka, kajian berkaitan dengan kecerdasan emosi dengan pencapaian akademik perlu dilakukan untuk melihat hubungan kedua-dua pemboleh ubah.

Selain itu, pada masa ini juga murid semakin kerap mengalami tekanan berbanding murid pada masa dahulu dan tekanan boleh mengganggu perasaan, aktiviti seharian dan pemikiran mereka. Lebih-lebih lagi Menteri Kesihatan Subramaniam melaporkan murid Tingkatan Empat yang mengalami masalah tekanan mental adalah lebih kurang 100,000 orang manakala Alimuddin Mohd Dom telah menyatakan punca





yang boleh menyebabkan tekanan mental terhadap murid Tingkatan Empat, antaranya tekanan daripada ibu bapa dan guru untuk maju dalam pelajaran dan bergelut membuat persediaan peperiksaan SPM (Astro Awani, 10 November 2017).

Lanjutan daripada huraian yang telah dinyatakan di atas terdapat beberapa faktor yang boleh menyebabkan tekanan kepada murid antaranya tekanan belajar. Kajian lepas menjelaskan, kebimbangan, kemurungan, beban kerja sekolah, peperiksaan akhir dan menunggu keputusan peperiksaan merupakan penyumbang kepada tekanan murid (Ollfors & Aderson, 2007). Berdasarkan isu atau kes seperti ini, adalah sangat membimbangkan sekiranya masalah tekanan ini akan mempengaruhi dan menjejaskan pencapaian akademik.



Bertitik tolak daripada faktor tekanan ini terdapat beberapa kes murid membunuh diri antaranya pada tahun 2019 murid lelaki berusia 13 tahun menggantung diri di bilik air di rumahnya di Taman Seri Relau, Paya Terubong, Geogetown akibat tertekan dengan kerja sekolah yang banyak. Seterusnya, pada tahun 2020 murid 16 tahun yang mengalami tekanan di sekolah ditemui tergantung di kipas siling dalam bilik dengan kain selimut terikat pada lehernya manakala pada tahun 2021 seorang murid Tingkatan Tiga yang menghadapi tekanan pembelajaran nekad terjun daripada tingkat tiga bangunan sekolahnya di Tanjong Karang (Astro Awani). Maka ini menunjukkan tekanan memberi kesan buruk kepada murid.





Bukan itu sahaja malah perbezaan tekanan berdasarkan jantina di kalangan murid juga adalah berbeza. Terdapat murid yang berupaya berhadapan dengan tekanan tanpa mengalami apa-apa kesan fizikal, mental atau emosi yang negatif serta boleh memotivasikan diri. Terdapat juga murid yang tidak berupaya menguruskan tekanan. Tekanan yang melebihi pada tahap tertentu sekiranya tidak dikawal akan mewujudkan pelbagai masalah kepada setiap murid (Romas & Sharma, 2004).

Dalam pada itu, berdasarkan statistik daripada Pejabat Pendidikan Daerah Tampin, keputusan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) murid Tingkatan Empat di Daerah Tampin menunjukkan masih terdapat sekumpulan besar murid yang gagal memperoleh keputusan cemerlang dan keseluruhan pencapaian murid menunjukkan margin murid yang tidak cemerlang adalah tinggi. Oleh sebab itu faktor kecerdasan emosi dan tekanan belajar dipilih untuk melihat sama ada faktor ini mempunyai hubungan atau tidak dengan pencapaian akademik murid Tingkatan Empat.

Justeru kajian yang berkaitan kecerdasan emosi dan tekanan belajar perlu dijalankan. Hal ini demikian kerana, bukan hanya untuk mengetahui tahap kecerdasan emosi dan tekanan belajar murid pada masa ini, bahkan mengelak daripada berlaku kes-kes yang tidak diingini oleh semua pihak.





## 1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan kepada latar belakang kajian dan masalah kajian yang diketengahkan di atas, maka bahagian ini akan membincangkan objektif yang diwujudkan bagi menjawab masalah kajian tersebut. Objektif kajian adalah seperti berikut:

1.4.1 Untuk mengenal pasti tahap kecerdasan emosi dalam kalangan murid Tingkatan Empat.

1.4.2 Untuk mengenal pasti tahap tekanan belajar dalam kalangan murid Tingkatan Empat.

1.4.3 Untuk mengenal pasti perbezaan kecerdasan emosi murid Tingkatan Empat mengikut jantina.

1.4.4 Untuk mengenal pasti perbezaan tekanan belajar murid Tingkatan Empat mengikut jantina.

1.4.5 Untuk mengenal pasti hubungan antara kecerdasan emosi dengan pencapaian akademik dalam kalangan murid Tingkatan Empat.

1.4.6 Untuk mengenal pasti hubungan antara tekanan belajar dengan pencapaian akademik dalam kalangan murid Tingkatan Empat.

## 1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini adalah untuk mengkaji hubungan kecerdasan emosi dan tekanan belajar terhadap pencapaian akademik. Perkara ini menjadi persoalan penting yang perlu dihuraikan. Justeru itu, persoalan yang timbul adalah:



- 1.5.1 Apakah tahap kecerdasan emosi dalam kalangan murid Tingkatan Empat?
- 1.5.2 Apakah tahap tekanan belajar dalam kalangan murid Tingkatan Empat?
- 1.5.3 Adakah terdapat perbezaan kecerdasan emosi dalam kalangan murid Tingkatan Empat mengikut jantina?
- 1.5.4 Adakah terdapat perbezaan tekanan belajar dalam kalangan murid Tingkatan Empat mengikut jantina?
- 1.5.5 Adakah terdapat hubungan antara kecerdasan emosi dengan pencapaian akademik dalam kalangan murid Tingkatan Empat?
- 1.5.6 Adakah terdapat hubungan antara tekanan belajar dengan pencapaian akademik dalam kalangan murid Tingkatan Empat?


## 1.6 Hipotesis Kajian

Sehubungan itu, melalui persoalan kajian yang telah dinyatakan di atas, hipotesis kajian seperti di bawah dapat dibina:

- H<sub>0</sub>(1) Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dengan kecerdasan emosi dalam kalangan murid Tingkatan Empat.
- H<sub>0</sub>(2) Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dengan tekanan belajar dalam kalangan murid Tingkatan Empat.
- H<sub>0</sub>(3) Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi dengan pencapaian akademik dalam kalangan murid Tingkatan Empat.
- H<sub>0</sub>(4) Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tekanan belajar dengan pencapaian akademik dalam kalangan murid Tingkatan Empat.

## 1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Hubungan antara kecerdasan emosi dan tekanan belajar dengan pencapaian akademik murid Tingkatan Empat dapat dilihat ada Rajah 1.1.



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual

Penerangan hubungan dalam kerangka konsep ini menunjukkan kajian ini mempunyai dua pembolehubah bebas iaitu kecerdasan emosi dan tekanan belajar. Pembolehubah bebas kecerdasan emosi murid akan melihat kepada kecerdasan emosi Goleman yang terbahagi kepada lima domain iaitu kesedaran sendiri, pengurusan sendiri, motivasi, empati dan kemahiran sosial. Pemboleh ubah bebas kedua ialah tekanan belajar yang berdasarkan kepada *Teori Tekanan Lazarus* yang mempunyai tiga tahap iaitu stimulus, respon dan proses. Pemboleh ubah bersandar pula adalah pencapaian akademik murid Tingkatan Empat yang diukur dengan menggunakan keputusan PT3. Jantina yang dinyatakan dalam rajah 1.1 adalah untuk melihat perbezaan kecerdasan emosi dan tekanan belajar antara murid lelaki dan murid perempuan.

## 1.8 Definisi Konseptual Dan Operasional

Definisi istilah kajian merujuk kepada istilah-istilah penting yang digunakan oleh pengkaji berdasarkan kajian yang dijalankan. Definisi yang digunakan di dalam kajian ini adalah seperti berikut:

### 1.8.1 Definisi Konseptual

#### 1.8.1.1 Kecerdasan Emosi

Menurut Goleman (1995), kebolehan mengelola dan mengawal diri sendiri dan orang lain daripada aspek perasaan, emosi dan tingkah laku merupakan konsep kecerdasan emosi. Kecerdasan emosi telah dibahagikan kepada lima konstruk iaitu kesedaran sendiri, motivasi diri, kawalan diri iaitu pengurusan emosi, empati iaitu keupayaan memahami perasaan orang lain dan kemahiran sosial iaitu kebolehan menguruskan perhubungan dengan orang lain.

Goleman (1995) telah mengemukakan karakteristik individu yang memiliki kecerdasan emosi yang tinggi, sederhana dan rendah. Individu yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi mampu mengendalikan perasaan marah, tidak agresif dan memiliki kesabaran, memikirkan akibat sebelum bertindak, berusaha dan mempunyai daya tindak untuk mencapai tujuan hidupnya, menyedari perasaan diri sendiri dan orang disekelilingnya, dapat berempati pada orang lain, dapat mengendalikan mood negatif,



mudah menjalin persahabatan dengan orang lain dan mahir dalam berkomunikasi serta menyelesaikan konflik sosial dengan cara damai.

Karakteristik tahap kecerdasan emosi yang sederhana pula ialah kurang kesedaran emosi dan ekspresi emosi yang tinggi menyebabkan keupayaan mereka mengenali dan menyedari emosi diri agak kurang malah individu dilihat kurang berupaya meluahkan perasaan kepada orang lain. Manakala tahap kecerdasan emosi yang rendah pula individu bertindak mengikut perasaan tanpa memikirkan akibatnya, pemaarah, bertindak agresif dan tidak sabar, mempunyai tujuan hidup dan cita-cita yang tidak jelas, mudah putus asa dalam pelajaran, kurang peka terhadap perasaan diri sendiri dan orang lain, mudah terpengaruh oleh perasaan negatif, tidak mampu menjalin hubungan yang baik dengan orang lain, tidak mampu berkomunikasi dengan baik dan menyelesaikan konflik sosial dengan kekerasan.

#### **1.8.1.2 Tekanan Belajar**

Tekanan ialah segala yang berpunca daripada faktor dalaman atau luaran, berupaya menyesuaikan diri dengan keadaan persekitaran yang tidak menyenangkan dan mendorong individu mengekalkan keseimbangan persekitaran luaran dan dirinya (Pourrajab, Rabbani, & Kasmaienezhadfar, 2014). Menurut Mahyuddin, Pihie & Yaacob (2001) tekanan adalah situasi yang berlaku sama ada positif atau negatif. Oleh sebab itu, tekanan acap kali dikaitkan dengan murid dan setiap individu yang bergelar



murid perlu menyesuaikan kehidupan dengan kehidupan sosial yang mencabar dan dunia akademik yang kompetitif.

Menurut Lazarus & Folkman (1984) tekanan adalah hubungan individu dan persekitarannya yang dinilai oleh seseorang sebagai permintaan atau ketidakupayaan untuk menghadapi situasi yang merbahaya atau mengancam kesihatan. Penilaian merupakan faktor utama dalam menentukan seberapa banyak tekanan yang dialami oleh seseorang ketika menghadapi situasi berbahaya. Oleh sebab itu, tahap tekanan terbahagi kepada tiga iaitu rendah, sederhana dan tinggi. Tahap tekanan yang rendah dan sederhana adalah baik dan boleh menjadi faktor pendorong atau motivasi kepada murid untuk meningkatkan produktiviti. Walau bagaimanapun tekanan yang tinggi untuk jangka masa panjang dan tidak dapat ditangani akan menyebabkan kesan negatif dan memudaratkan kesihatan serta meningkatkan risiko terhadap penyakit.

### 1.8.1.3 Pencapaian Akademik

Setiap pencapaian peperiksaan mengandungi set rangsangan yang mengukur kemahiran serta penguasaan individu dalam bidang tertentu (Mohd Majid dalam Abdul Aziz & Ahmad, 2008). Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) sesuatu perkara yang diperoleh melalui usaha merupakan pencapaian seseorang manakala menurut Zulkarnain, Saim & Abd Talib (2006) pula pencapaian bermaksud kejayaan atau kegagalan dalam sesuatu ujian sama ada ujian diperingkat sekolah atau peperiksaan piawai yang ditadbir, direka bentuk, diberi markah dan kemudian akan

diinterpretasikan oleh pakar-pakar dalam bidang tertentu khasnya untuk penilaian di sesebuah negara.

## 1.8.2 Definisi Operasional

### 1.8.2.1 Kecerdasan Emosi

Takrifan kecerdasan emosi kajian ini ialah kebolehan yang dimiliki oleh setiap murid dalam mengurus emosi, mampu memotivasikan diri, mempunyai ketahanan menghadapi kegagalan, dan boleh mengatur keadaan keseronokkan dan ketegangan jiwa. Murid yang memiliki tahap kecerdasan emosi yang mantap, bijak, berkemampuan untuk berfikir dan bertindak secara rasional akan memperoleh kejayaan dalam akademik dan hidup bermasyarakat.

Dalam kajian ini, definisi kecerdasan emosi berpandukan kepada model kecerdasan emosi Goleman (1995) yang terbahagi kepada lima domain kecerdasan emosi iaitu kesedaran sendiri, pengawalan sendiri, motivasi diri, empati dan kemahiran sosial. Terdapat tiga tahap kecerdasan emosi dalam kajian ini iaitu tahap rendah, sederhana dan tinggi. Tahap kecerdasan emosi murid menggunakan interpretasi skor min iaitu skor min 1.00 hingga 2.00 adalah tahap kecerdasan emosi yang rendah, 2.01 hingga 3.00 adalah tahap kecerdasan emosi yang sederhana dan 3.01 hingga 4.00 adalah tahap kecerdasan emosi yang tinggi.



### 1.8.2.2 Tekanan Belajar

Berdasarkan pandangan tokoh-tokoh, pengertian tekanan dalam kajian ini dapat disimpulkan sebagai pelbagai desakan yang dialami oleh murid dan boleh memberi kesan kepada kehidupan seharian. Kesan daripada tuntutan mungkin memberi kebaikan atau keburukan dan ia bergantung kepada bagaimana individu tersebut bertindak balas.

Definisi tekanan yang diguna dalam kajian ini adalah berdasarkan soal selidik (3SQ). Tekanan (3SQ) iaitu tekanan yang berkaitan dengan akademik, interpersonal, intrapersonal, pembelajaran dan pengajaran guru serta tekanan berkaitan kumpulan sosial. Tekanan (3SQ) merupakan suatu keadaan yang tidak menyeronokkan murid kerana disebabkan desakan daripada keadaan sekeliling. Tahap tekanan belajar dibahagikan kepada tiga dan diukur dengan menggunakan interpretasi skor min iaitu skor min 1.00 hingga 2.00 adalah tahap tekanan belajar yang rendah, 2.01 hingga 3.00 adalah tahap tekanan belajar yang sederhana dan 3.01 hingga 4.00 adalah tahap tekanan belajar yang tinggi.

### 1.8.2.3 Pencapaian Akademik

Pencapaian akademik dalam kajian ini ialah hasil peperiksaan atau ujian, iaitu gred yang telah dicapai oleh seseorang murid. Pencapaian akademik adalah berdasarkan kepada keputusan gred enam subjek teras yang diperolehi oleh murid yang menduduki peperiksaan di sekolah mereka iaitu pencapaian dalam PT3. Tahap pencapaian





akademik murid dilihat berdasarkan nilai skor yang diperoleh dalam setiap subjek kemudian diinterpretasikan mengikut skor min. Skor min 1.00 hingga 2.33 adalah tahap pencapaian akademik yang rendah, skor min 2.34 hingga 3.66 adalah tahap pencapaian akademik yang sederhana manakala skor min 3.67 hingga 5.00 tahap pencapaian akademik tinggi.

### 1.9 Batasan kajian

Batasan kajian perlu dijelaskan bagi membantu pembaca menilai batasan yang berkaitan dengan sesuatu kajian (Sidek Mohd Noah, 2005). Ketepatan hasil dapatan kajian bergantung kepada teori yang diguna sebagai asas penyelidikan, populasi, bilangan sampel serta subjek kajian yang terlibat dalam soal selidik. Maka, pengkaji telah mengemukakan beberapa batasan kajian, antaranya:

- 1.9.1 Kajian ini terbatas kepada 285 orang murid Tingkatan Empat dan hasil dapatan tidak dapat digeneralisasikan kepada semua murid Tingkatan Empat di Malaysia serta hasil dapatan kajian hanya terbatas kepada lingkungan sampel yang terlibat dalam kajian ini.
- 1.9.2 Kajian ini berasaskan kepada kecerdasan emosi Goleman dan perkembangan tahap kecerdasan emosi yang difokuskan hanya kepada peringkat awal pertumbuhan remaja iaitu berumur 16 tahun.
- 1.9.3 Hanya satu pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini iaitu pencapaian akademik murid Tingkatan Empat. Kajian ini hanya berfokus kepada aspek akademik iaitu kurikulum murid Tingkatan Empat yang merujuk kepada keputusan PT3 mereka.





1.9.4 Alat ukuran yang digunakan dalam kajian adalah set soal selidik kecerdasan emosi dan tekanan belajar yang telah diuji kesahan dan kebolehpercayaannya. Oleh itu, data yang diperolehi hanya bergantung kepada sejauh mana kefahaman responden mengenai soal selidik dan tidak terkawal dari aspek kejujuran mereka menjawab soalan-soalan tersebut.

## 1.10 Kesignifikanan Kajian

Kepentingan kajian adalah untuk melihat kesan kecerdasan emosi dan tekanan belajar ke atas pencapaian akademik dalam kalangan murid. Hasil daripada kajian dapat membantu semua pihak yang bertanggungjawab untuk merangka dan memikirkan inisiatif atau tindakan yang perlu diambil dengan memberi penekanan aspek kecerdasan emosi dan tekanan belajar terhadap setiap peringkat umur. Terdapat beberapa organisasi yang mempunyai kepentingan dalam menerapkan unsur-unsur dalam kajian kepada pelajar iaitu murid itu sendiri, ibu bapa, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan sekolah.

### 1.10.1 Murid

Kesignifikanan kajian ini dapat membantu murid mengetahui tahap kecerdasan emosi mereka. Kesedaran mengenai tahap kecerdasan emosi boleh membantu murid meningkatkan motivasi dalam pembelajaran bagi mencapai cita-cita yang diinginkan.



Ini sekaligus merangsang murid mempertingkatkan pencapaian dari segi akademik dan sahsiah diri. Manakala, tekanan belajar dapat diatasi dengan segera sekiranya murid mengenal pasti tahap tekanan yang dialami oleh mereka dan sekaligus dapat mengelakkan daripada berlaku kegagalan dalam pencapaian akademik mereka. Maka, kajian ini setidak-tidaknya memberikan kesedaran kepada murid tentang kebaikan kecerdasan emosi yang tinggi dalam diri serta kesan positif dan negatif tekanan belajar yang dialami mereka.

### **1.10.2 Ibu bapa**

Dengan adanya pemahaman mengenai kecerdasan emosi dan tekanan belajar, ibu bapa berpeluang untuk mendidik dan menerapkan kecerdasan emosi dalam diri anak-anak supaya mereka mempunyai keseimbangan emosi dan membantu menangani serta menjadi pendengar yang baik jika anak-anak mengalami tekanan belajar. Perkembangan murid pada ketika ini sangat kompleks terutamanya anak-anak remaja. Pembentukan diri anak-anak serta asuhan yang salah mendatangkan kesan yang buruk terutamanya ke atas pencapaian akademik dan perkembangan sosial mereka. Dapatan kajian dapat menjadi sumber maklumat dan rujukan kepada ibu bapa tentang kepentingan didikan yang seimbang diberikan kepada setiap anak-anak supaya memperoleh kejayaan dalam bidang akademik dan kerjaya.

### 1.10.3 Sekolah

Dapatan kajian yang telah diperoleh dapat digunakan oleh pihak sekolah terutama pengetua dan kaunselor di setiap sekolah untuk merancang beberapa aktiviti bagi meningkatkan kecerdasan emosi murid dan membantu menangani serta mengawal tekanan belajar dengan berkesan. Kajian ini seterusnya membantu pihak sekolah mengenal pasti dan menilai murid yang mempunyai masalah kecerdasan emosi yang rendah dan tekanan belajar yang tinggi sehingga boleh mempengaruhi pencapaian akademik mereka serta merancang aktiviti yang bersesuaian untuk golongan murid yang kerap mengalami tekanan belajar.

### 1.10.4 Pejabat Pendidikan Daerah (PPD)

PPD adalah jabatan yang bertanggungjawab mengawasi dan merancang program-program yang dilaksanakan oleh setiap sekolah yang berada di bawah daerah tersebut. Kesedaran tentang pentingnya kecerdasan emosi dan keburukan tekanan belajar membolehkan pihak PPD memasukkan unsur kecerdasan emosi dan langkah menangani tekanan belajar dalam setiap program yang dirancang pihak sekolah dan seterusnya dapat melahirkan murid yang cemerlang dan seimbang aspek emosi, jasmani, rohani dan intelek.



### 1.10.5 Jabatan Pendidikan Negeri (JPN)

Jabatan Pendidikan Negeri berperanan penting, terutamanya melaksanakan penggunaan kecerdasan emosi dan kaedah mengatasi tekanan belajar di setiap sekolah. Pelbagai aktiviti dan kursus yang mengandungi aspek kecerdasan emosi dan tekanan belajar boleh dirancang khusus untuk memberi pendedahan kepada guru-guru di sekolah. Hasil daripada aktiviti dan kursus tersebut, guru-guru boleh mempraktikkan ilmu yang diperoleh dan dipelajari terhadap murid supaya dapat membantu mereka dan memberi kesedaran dalam kalangan murid yang bermasalah terutama masalah kecerdasan emosi yang rendah dan tekanan belajar yang tinggi.



### 1.10.6 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

Dapatan kajian dapat membekalkan maklumat yang relevan kepada pihak KPM dalam membuat pertimbangan untuk memasukkan unsur kecerdasan emosi dalam aspek kurikulum dan menjalankan aktiviti bagi mengawal tekanan belajar dalam program intervensi dan proses pengajaran dan pembelajaran ke arah meningkatkan kecerdasan emosi dan menangani tekanan belajar murid. Pihak KPM perlu menilai pengisian program murid bagi menyediakan garis panduan pengurusan kepada kaunselor sekaligus memenuhi matlamat FPN mewujudkan murid yang seimbang dan harmoni dari aspek intelek, emosi, jasmani dan rohani.



### 1.11 Rumusan

Bab pengenalan ini telah memberi gambaran keseluruhan berkenaan asas kepada kajian yang melibatkan pencapaian akademik, pernyataan masalah, tujuan, objektif, persoalan, hipotesis, kerangka konseptual, kesignifikanan kajian, batasan kajian dan definisi operasional. Permasalahan kajian dapat menjelaskan tentang tujuan kajian yang berkaitan dengan pencapaian akademik serta membuktikan kewujudan masalah mengenai kecerdasan emosi dan tekanan belajar berdasarkan rujukan-rujukan terdahulu. Oleh itu, tujuan dan persoalan kajian adalah berkenaan dengan hubungan antara kecerdasan emosi dan tekanan belajar terhadap pencapaian akademik murid Tingkatan Empat.